

NEWS CLIPPING

EVENT:	7-ELEVEN MALAYSIA HOLDINGS BHD, BUKA 200 CAWANGAN
PUBLICATION:	HARIAN METRO
PAGE/SECTION:	55
DATE:	WEDNESDAY , 24 JUNE 2015
TITLE:	AS PER BELOW

Harian Metro RABU
24 JUN 2015

Bisnes | 55

7-Eleven buka 200 cawangan.

Kuala Lumpur: 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd merancang membelanjakan RM80 juta hingga RM90 juta untuk membuka 200 kedai 7-Eleven dan membaik pulih 200 kedai di seluruh negara tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Gary Brown berkata, syarikat itu mahu mewujudkan persekitaran yang lebih selesa untuk menarik lebih ramai pelanggan.

"Kami mahu menawarkan lebih banyak makanan segar, menggunakan lampu diod pemancar cahaya di kedai kami yang menjimatkan tenaga dan mengadakan promosi berterusan," katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat, di sini, semalam.

Beliau berkata, 30 hingga 35 peratus daripada kedai baru itu terletak di Lembah Klang dan mulai 2014 hingga 2016, syarikat menjangka dapat membuka 600 kedai baru.

Katanya, syarikat

“ Kami mahu menawarkan lebih banyak makanan segar, menggunakan lampu diod pemancar cahaya di kedai kami”

Gary memperuntukkan RM66 juta untuk projek teknologi maklumat (IT) dan RM40 juta lagi untuk membangunkan kemudahan pusat penghantaran di Bukit Jelutong, Shah Alam yang sedang dalam proses penilaian.

Brown berkata, syarikat itu yang menguasai 80 peratus bahagian pasaran menyasarkan untuk kekal sebagai peserta kukuh dalam pasaran kedai serbaneka dan kini dalam rundingan dengan pelbagai peserta perkhidmatan kurier untuk menggunakan rangkaianannya sebagai tempat penghantaran.

-BERNAMA